

AKHBAR : NEW STRAIT TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

NST M/S 7 Nation Monday 12/5/25

2.29 TIMES MORE LIKELY TO DEVELOP COPD

CALL FOR OUTRIGHT BAN ON VAPES

Findings of Oxford study alarm health advocates, who are concerned about long-term effects

LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

PUBLIC health advocates and civil society groups have called on the government to consider clamping down or even implementing an outright ban on vapes in the country.

Their call comes in the wake of a recently released study published by Oxford University, which showed that vaping could more than double the risk of serious lung disease.

The study, published on March 15 and involved almost 250,000 participants, found that people who vaped, even without a history of smoking, were 2.29 times as likely to develop chronic obstructive pulmonary disease (COPD).

Experts told the *New Straits Times* that the study's findings should compel Malaysian authorities to reassess their strategy

on the sale of vape products in the country to safeguard public health.

Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF) senior vice-chairman Datuk Seri Ayub Yaakob said the foundation had long urged authorities to prohibit the import, sale and use of vapes in the country due to their harmful effects.

"The risks associated with vaping are well known, and several of our neighbouring countries have already taken steps to ban its use and distribution," he said, citing the example set by Singapore and Thailand.

Ayub said Malaysia should not allow the vape industry to develop unchecked, warning that its long-term impact could be even more damaging than the nation's ongoing battle with drug abuse.

"If we allow vaping to become a business opportunity, the consequences could be more severe than what we have faced with drugs.

"Even after decades, we have not been able to completely wipe out drug abuse in this country," he said.

He expressed concern that the widespread availability of vape products could expose children and teenagers to harmful substances, with some reportedly starting as young as 12.

"We urge the authorities to re-

evaluate the decision to allow vape products in Malaysia. Prevention is far better than cure.

"The cost of treating vape-related illnesses or managing its social impact may far exceed any short-term economic gain."

Ayub also warned that the vape market, driven by evolving chemical formulations, could become increasingly difficult to regulate.

He said enforcement would be more challenging as these products continued to change form and composition, making it harder for the authorities to keep up.

"We cannot risk the health of the public just to protect the interests of a few. This recent finding from Oxford University should compel the government to act decisively," he added.

However, Malaysia Society for Harm Reduction (MSHR) chairman Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said an outright ban might not be the answer.

She said while vaping was never meant for non-smokers and should not be used by them, banning vape products without simultaneously addressing tobacco use could drive users back to cigarettes or illicit vape products.

Sharifa said while the Oxford University study reinforced the health risks of vaping, the findings did not specify crucial factors such as the content of the vape liquid, nicotine dosage,

types of flavouring, coil power and duration of use — all of which could significantly influence health outcomes.

"The government can ban vape, but such a move must also come with a simultaneous ban on cigarettes. If not, vape users may revert to smoking or worse, turn to cheaper, illegal tobacco products that are more harmful and widely available," she said.

Sharifa cautioned that outright bans, without strong enforcement and proper regulation, could backfire, citing countries like India, Australia and Thailand, where illicit vape markets had flourished.

She added that the United States and Thailand were also facing challenges due to political and economic interests, including ties to the tobacco industry.

"Singapore has successfully banned vape due to its low smoking population, strong regulatory framework and low corruption rates. But Malaysia is in a very different position."

She cited the United Kingdom for its more balanced approach, where vaping was permitted under strict regulation and quality control.

"If Malaysia's illicit black market can be reduced, then this might be the right time to consider banning both vape and tobacco cigarettes."

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

Kosmo, 12 Mei 2025, 13/5/25, Negara

Malaysia kekal bebas penyakit anthrax – DVS

PUTRAJAYA – Malaysia disahkan kekal bebas daripada penyakit anthrax walaupun Thailand ketika ini dilaporkan mempunyai satu kes kematian akibat jangkitan penyakit itu pada 1 Mei lalu.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berkata, kematian dilaporkan di Thailand itu berpunca daripada penyembelihan lembu dan pengambilan daging mentah di Daerah Don Tan,

Wilayah Mukdahan, Thailand.

Menurutnya, penyakit anthrax disebabkan oleh bakteria *Bacillus anthracis* yang boleh menjangkiti haiwan dan manusia serta membawa maut.

"Malaysia bebas daripada penyakit anthrax sejak kes terakhir dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada 1976. Sehingga kini, tiada laporan berkenaan penya-

kit anthrax di negara ini.

"Bagaimanapun, DVS sentiasa berwaspada memandangkan penyakit ini masih aktif di beberapa negara lain termasuk Thailand," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Penyakit anthrax boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui sentuhan langsung dengan spora bakteria yang dihasilkan oleh *Bacillus anthracis*.

"Antara tanda klinikal yang boleh dikesan pada haiwan termasuk kematian mengejut, demam tinggi, lemah, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan terutama di leher, muntah dan cirit-birit.

"Dalam sesetengah kes, darah juga boleh keluar dari hidung, mulut atau dubur haiwan," katanya.

Susulan itu, DVS telah memohon jaminan daripada pihak

berkuasa Thailand bahawa tiada haiwan atau produk haiwan dari kawasan berisiko tinggi anthrax dieksport ke Malaysia.

"Kami juga meminta laporan status terkini, langkah kawalan pergerakan haiwan dan pelan kontingensi penyakit anthrax daripada Thailand. Ini penting memandangkan Malaysia mengimport ternakan lembu dan kerbau dari Thailand," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

Malaysia bebas penyakit anthrax

PUTRAJAYA – Malaysia disahkan kekal bebas daripada penyakit anthrax walaupun Thailand melaporkan satu kes kematian manusia akibat jangkitan penyakit itu pada 1 Mei lalu.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam satu kenyataan memaklumkan kes tersebut berpunca daripada penyembelihan lembu dan pengambilan daging mentah di Daerah Don Tan, Wilayah Mukdahan, Thailand yang terletak bersempadan dengan Republik Demokratik Rakyat Lao.

"Malaysia bebas daripada penyakit anthrax sejak kes terakhir dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada tahun 1976. Sehingga kini tiada laporan berkenaan penyakit anthrax di negara ini.

"Bagaimanapun, DVS sentiasa berwaspada memandangkan penyakit ini masih aktif di beberapa negara lain termasuk Thailand," kata kenyataan itu pada Ahad.

Jelas DVS, penyakit anthrax boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui sentuhan langsung dengan spora bakteria yang dihasilkan oleh bacillus anthracis.

"Antara tanda klinikal yang boleh dikesan pada haiwan termasuk kematian mengejut, demam tinggi, lemah, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan terutama di leher, muntah dan cirit-birit.

"Dalam sesetengah kes, darah juga boleh keluar dari hidung, mulut atau dubur haiwan," jelasnya.

DVS memaklumkan telah memohon jaminan daripada pihak berkuasa Thailand bahawa tiada haiwan atau produk haiwan dari kawasan berisiko tinggi anthrax dieksport ke Malaysia.

"Kami juga meminta laporan status terkini, langkah kawalan pergerakan haiwan dan pelan kontingensi penyakit anthrax daripada Thailand. Ini penting memandangkan Malaysia mengimport ternakan lembu dan kerbau dari Thailand," katanya.

- Penyakit anthrax disebabkan oleh bakteria bacillus anthracis.
- Bakteria ini boleh menjangkiti haiwan dan manusia melalui sentuhan langsung serta membawa maut.
- Kes terakhir di Malaysia dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) adalah pada tahun 1976.



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Tablet pantau kesihatan jemaah haji



Permudah urusan pasukan TH akses maklumat kesihatan jemaah secara dalam talian

MAKKAH

Unit Kesihatan Awam Tabung Haji (TH) kini beroperasi lebih efisien dengan penggunaan tablet yang membolehkan pasukan itu mengakses terus maklumat kesihatan jemaah secara dalam talian.

Kemudahan itu membolehkan petugas melihat rekod saringan kesihatan, senarai ubat yang diambil dan status kesihatan je-

maah haji sama ada kategori hijau, kuning atau merah sekali gus memudahkan pemantauan serta rawatan awal dilakukan.

Penyelaras Operasi Unit Kesihatan Awam TH, Dr Abdullah Husam A Shukor berkata, penggunaan tablet itu membolehkan petugas kesihatan mengakses Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji dalam sistem MyVAS milik Kementerian Kesihatan melalui sistem Sihat iaitu sistem informasi kesihatan dibangunkan TH bagi kegunaan petugas perubatan khusus di Tanah Suci secara dalam talian.

Beliau berkata, ia membolehkan pasukan mendapatkan data lengkap kesihatan jemaah ketika mengadakan lawatan dari bilik ke bilik di bangunan penginapan.

"Dulu kami guna buku, sekarang semua maklumat boleh diakses terus dalam tablet.

"Kita ada maklumat semua saringan kesihatan jemaah haji. Jadi kita tahu kategori mereka sama hijau (tiada penyakit), kuning (ada penyakit) atau merah (hidap penyakit kronik)," katanya



Dr Abdullah Husam (dua dari kanan) ketika melakukan Ziarah Rahmah jemaah haji dari bilik ke bilik di Abraj Al Janadriyah.

selepas program Ziarah Rahmah di Abraj Al Janadriyah di sini.

Beliau berkata, ziarah dari bilik ke bilik jemaah haji itu dilakukan menerusi tiga fasa utama.

Pihaknya menyasarkan untuk mencapai 100 peratus lawatan bilik ke bilik semua jemaah haji seminggu sebelum wukuf.

Menurutnya, dalam lawatan

itu, pasukan perubatan turut memberi pendidikan kesihatan terutamanya berkaitan strok haba berikutan cuaca panas di Tanah Suci boleh memberi kesan kepada kesihatan jemaah.

"Ramai jemaah masuk hospital sebab kurang minum air. Kami selalu pesan, minum lebih banyak air berbanding di Malaysia dan

elak keluar tengah panas, terutamanya dari tengah hari hingga Asar.

"Kalau kena keluar juga, kami galakkan bawa air, pakai pelindung matahari, payung dan pelitup muka terutama di kawasan sesak macam Masjidil Haram," ujarnya.

Menurutnya, selain strok haba, pasukan perubatan turut mengingatkan jemaah supaya hati-hati bagi mengelakkan risiko terjatuh, sama ada dalam bilik hotel atau masjid.

"Baru-baru ni ada kes jatuh dalam bilik air hotel. Jika terjatuh warga emas berisiko tinggi alami patah tulang sebab rapuh," jelasnya.

Tambah beliau, sambutan jemaah terhadap program berkenaan sangat baik kerana ada antara mereka lebih selesa bertanya masalah kesihatan dalam suasana santai.

"Ramai juga tanya kalau ubat tertinggal atau tak cukup, apa nak buat. Biasanya kami pesan bawa bekalan dua bulan, tapi kalau kurang, kami bantu dapatkan ubat di klinik atau hospital," jelasnya.